

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat tambahan bagi pengusaha e-hailing seperti Uber dan GrabCar untuk memiliki skim insurans tambahan untuk melindungi penumpang penumpang mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan mewajibkan pengendali perniagaan *e-hailing* untuk menyediakan perlindungan insurans.

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah merangka syarat-syarat dan keperluan operasi bagi perkhidmatan *e-hailing* berdasarkan syarat-syarat dan keperluan operasi yang ditetapkan kepada perkhidmatan teksi, termasuk keperluan untuk mendapatkan perlindungan insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.

Sekian, terima kasih.